

# UMS wakili Malaysia ke Program Huawei Seeds for the Future, China

UB 13.7.2019 A5

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk tiga tahun berturut-turut terpilih mewakili Malaysia dalam Program Huawei Seeds for the Future yang diadakan di China.

Pelajar Prasiswazah UMS Tan Mei Jun dari Fakulti Pengkomputeran dan Informatiks (FKI) telah terpilih bersama sembilan lagi pelajar dari Institusi Pengajian Ting-

gi (IPT) lain di negara ini.

Kesemua 10 pelajar yang terpilih mewakili Malaysia merupakan pelajar yang terbaik dari kalangan yang terbaik (best of the best) selepas menjalani proses tapisan terperinci yang dibuat oleh pihak Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. melibatkan lebih dari 1,000 pemohon dari IPT seluruh Malaysia.

Program Huawei Seeds for the Future adalah acara tahunan yang dimulakan sejak ta-



**KAMARUDIN (dua kiri) bersama pelajar Malaysia Huawei Seeds for the Future 2019.**




**MASZLEE (lima kiri) merakamkan gambar kenangan bersama para pelajar pada majlis penutupan program berkenaan.**

hun 2008, dan diperkenalkan di Malaysia bermula tahun 2014.

Program ini mengumpul pelajar dari pelbagai negara ke China (Beijing dan Shenzhen) untuk lawatan sambil belajar dalam bidang ICT (technological study trip) selama dua minggu dan ditaja sepenuhnya oleh Huawei.

Tujuan utama program ialah untuk mendedahkan pelajar tentang persekitaran pekerjaan secara langsung di ibu pejabat Huawei serta untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam teknologi ICT dengan harapan ini da-



**GAMBAR kenangan Kamarudin (empat kiri) bersama pelajar Malaysia Huawei Seeds for the Future 2019.**

pat membantu meningkatkan kebolehpasaran pelajar dan sebagai persediaan pelajar menghadapi alam pekerjaan kelak.

Ketika ini, pelajar Malaysia bagi Huawei Seeds for the Future 2019 sedang berada di Shenzhen, China untuk fasa akhir program, termasuk pembelajaran tentang teknologi 5G.

Sempena lawatan ke Shen-

zhen pada 11 sehingga 13 Julai ini, Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kamarudin Mudin berkesempatan mengadakan perjumpaan dan berinteraksi dengan mereka di Huawei University.

Semasa di Shenzhen, Kamarudin turut menyertai rombongan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang diketuai oleh Menterinya Dr. Maszlee Malik untuk

lawatan rasmi ke Ibu Pejabat Huawei, Ping An Li Smart School dan Shenzhen University serta menghadiri Majlis Penutupan Huawei Seeds of the Future 2019.

Untuk rekod, Kamarudin juga telah menghadiri Majlis Penutupan Huawei Seeds of the Future pada tahun 2017 yang mana tiga daripada 10 pelajar Malaysia yang terlibat adalah dari UMS.